

**D.R. 25/2015**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 99**

**2.** Akta Perlindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 99(1) dengan memasukkan selepas perenggan (*c*) perenggan yang berikut:

“(ca) yang boleh dikemukakan oleh pengguna yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [*Akta ...*]”.

**Peruntukan kecualian dan peralihan**

3. (1) Apa-apa prosiding di bawah seksyen 97 Akta ibu berhubung dengan suatu tuntutan pengguna yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan yang belum selesai sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan seolah-olah seksyen 99 Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(2) Apa-apa tuntutan pengguna yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan yang boleh dikemukakan di bawah seksyen 97 Akta ibu hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

(3) Apa-apa hak, obligasi, liabiliti, penalti atau award yang diperoleh, dikenakan, terakru, ditanggung atau dibuat di bawah Akta ibu berhubung dengan suatu tuntutan pengguna yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan tidaklah tersentuh oleh Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah seksyen 99 Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999 (“Akta 599”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan perenggan baru (*ca*) ke dalam subseksyen 99(1) Akta 599 bagi membataskan bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna berkenaan dengan apa-apa tuntutan oleh pengguna yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [*Akta ...*]. Tuntutan pengguna berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan kini akan diuruskan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

4. *Fasal 3* memperuntukkan peruntukan kecualian dan peralihan.

**IMPLIKASI KEWANGAN**

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.